

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEBELAS
21 MEI 2007**

PERKARA : 5(B)(I)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

8. Sila senaraikan semua projek-projek yang telah diluluskan di bawah RMKe-9 di KADUN Pantai Jerejak dengan memberikan butir-butir seperti nama projek, agensi pelaksana, jumlah peruntukan yang diberikan, tarikh dijangka mula, tarikh dijangka siap dan faedah yang akan dinikmati.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

8. Bagi KADUN Pantai Jerejak, siling RMK-9 yang diluluskan ialah sebanyak RM102,200,000.00 dengan jumlah projek sebanyak empat (4) projek. Dari segi kemajuan fizikal, sebanyak dua (2) projek berstatus Belum Mula dan dua (2) projek berstatus Dalam Pelaksanaan.

Kesemua projek yang sedang dalam pembinaan ini akan dapat diguna pakai oleh jabatan/agensi berkenaan apabila siap. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan jabatan/agensi berkenaan dan dalam memudahkan lagi rakyat yang hendak mendapatkan perkhidmatan dari jabatan/agensi terbabit.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana projek yang spesifik, sila rujuk kepada Pejabat Pembangunan Negeri.

PANTAI JEREJAK

BIL.	KOD PROJEK	PELAKSANA	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	MULA	SIAP	JADUAL (%)	SEBENAR	STATUS
1	P10003000130000	Jabatan Kerja Raya	Pembinaan bangunan pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Pulau Pinang	89,000,000.00	1 Mac 2006	15 Julai 2009	52	38	DP
2	P26006110300000	MARA	Pusat Giat Mara, Bayan Lepas, Pulau Pinang	1,000,000.00	23 Januari 2006	31 Disember 2008	43	37	DP
3	P42011000220027	Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan	Pasukan Pergigian Bergerak, Klinik Pergigian Bukit Jambul, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	200,000.00	Tiada maklumat diperolehi daripada sistem	Tiada maklumat diperolehi daripada sistem	0	0	BM
4	P43300001930000	Jabatan Kerja Raya	Balai Bomba dan Kuarters Bayan Baru, Pulau Pinang	12,000,000.00	Tiada maklumat diperolehi daripada sistem	Tiada maklumat diperolehi daripada sistem	0	0	BM
JUMLAH				1,02,200,000.00					